



**PERATURAN PERTANDINGAN
SUKAN PANTAI PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
PETANQUE PANTAI**

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Undang-Undang dan Peraturan Pertandingan adalah tertakluk kepada:

Pertandingan ini dijalankan mengikut Peraturan Rasmi Antarabangsa yang digubal pada tahun 1984 oleh FIPJP iaitu sebuah pertubuhan yang di kawal selia di Kongres Geneve.

Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran undang-undang permainan, undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan menjadi rujukan.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Sukan Pantai Badan Berkanun Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang Kejohanan ini.

3.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan dijalankan secara **Beregu Lelaki, Beregu Wanita, Trio Lelaki & Trio Wanita.**

4.0 PENDAFTARAN PEMAIN DAN PEGAWAI

4.1 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar maksimum 5 orang pemain lelaki dan 5 orang pemain wanita serta satu orang pegawai dan hanya seorang pemain **sahaja** dibenarkan bermain satu acara. Borang Pendaftaran Perlawanan seperti berikut:-

JAWATAN / ACARA	LELAKI	WANITA
Pegawai	1	
Acara Beregu	2	2
Acara Trio	3	3

4.2 Borang Pendaftaran Pemain dan Borang Pendaftaran Perlawanan

4.2.1 Borang Pendaftaran Pemain yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan kepada pihak Jawatankuasa Pengelola sebelum Taklimat Pengurus Pasukan. Sebarang pertukaran pemain tidak dibenarkan selepas taklimat tersebut.

- 4.2.2 Borang Pendaftaran Perlawanan hendaklah diserahkan kepada pegawai teknikal yang bertugas di meja teknikal 15 minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 4.2.3 Hanya pemain yang berdaftar di dalam Borang Pendaftaran Pemain sahaja dibenarkan mendaftar di dalam Borang Pendaftaran Perlawanan.
- 4.2.4 Semua borang hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh Pengurus Pasukan pasukan berkenanan.

5.0 PAKAIAN

- 5.1 Pemain-pemain hendaklah memakai pakaian seragam pasukan masing-masing. Baju dan seluar track bottom atau 'three quarter' dibenarkan semasa pertandingan.
- 5.2 Hanya kasut sukan dibenarkan di dalam gelanggang.
- 5.3 Pengelola Pertandingan tidak akan membenarkan pemain-pemain menyertai pertandingan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.

6.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Pusingan Peringkat Kumpulan
 - 6.1.1 Pertandingan akan dijalankan dengan format permainan bermasa dan akan dijalankan selama 1 jam 15 minit tambahan 1 end.
 - 6.1.2 Perlawanan tamat pada skor 13 atau tamat had masa selama 75 minit (1 jam 15 minit). Jika masa dan tambahan 1 end telah tamat, pasukan yang memperolehi skor tertinggi dikira pemenang.
 - 6.1.3 Jika skor seri, tambahan 1 end diberikan dan di end tambahan untuk jack out dari gelanggang permainan, jack tersebut akan diletakkan semula ditempat asal.
- 6.2 Pusingan Peringkat Kedua / Suku Akhir / Separuh Akhir / Akhir
 - 6.2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Kalah Mati.
 - 6.2.2 Jadual Pusingan Kedua akan ditetapkan oleh pihak teknikal seperti berikut:
 - 6.2.2.1 Jadual 8 pasukan
 - 6.2.2.2 Jadual 16 pasukan
 - 6.2.2.3 Jadual 32 pasukan

7.0 CARA MEMUTUSKAN KUMPULAN SISTEM LIGA

- 7.1 Tiga (3) mata akan diberi kepada pasukan yang menang dan kosong (0) mata untuk pasukan yang kalah.

Menang	-	3 mata
Kalah	-	0 mata
- 7.2 Pasukan yang mengumpul mata tertinggi akan menjadi johan kumpulan dan pasukan yang mengumpul mata kedua tertinggi akan mejadi naib johan dan seterusnya.
- 7.3 Sekiranya dua (2) pasukan mempunyai mata yang sama, pemenang perlawanan antara mereka akan menjadi penentu kepada pemenang
- 7.4 Sekiranya tiga (3) atau lebih pasukan yang mempunyai mata yang sama, pemenangnya akan ditentukan dengan urutan berikut:-
 - 7.4.1 Margin (beza set) yang tertinggi diistihar sebagai pemenang (pasukan terlibat sahaja)
 - 7.4.2 Bilangan set menang tertinggi (pasukan terlibat sahaja).
 - 7.4.3 Margin (beza skor) yang tertinggi diistihar sebagai pemenang (pasukan terlibat sahaja).
 - 7.4.4 Jumlah skor tertinggi diistihar sebagai pemenang (pasukan terlibat sahaja).

7.4.5 Sekiranya masih tiada keputusan kaedah yang sama akan digunakan dan melibatkan semua pasukan dalam kumpulan tersebut

8.0 KELEWATAN

- 8.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 8.2 Masa selama 15 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

9.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

10.0 UNDIAN

Undian akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal & Pertandingan.

11.0 BANTAHAN / RAYUAN

Mengikut Peraturan Am Sukan Pantai Badan Berkanun Malaysia.

12.0 PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan AM Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun Malaysia.